

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



ID 150073627

PAGE 1 of 1

# MSM Holdings rancang tanam tebu di tiga negara

**M**SM Malaysia Holdings Bhd (MSM Holdings), kini giat meninjau peluang membeli tanah di Indonesia, Myanmar serta di Kemboja bagi penanaman tebu dalam usahanya meningkatkan kapasiti pengeluaran pada masa depan.

Syarikat milik 40 peratus FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGVH) itu ketika ini berunding dengan beberapa pihak di negara terbabit bagi tujuan berkenaan.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Sabri Ahmad, berkata adalah penting bagi syarikat penapisan gula terbesar di Malaysia itu untuk membeli tanah di luar negara kerana syarikat itu kini tidak lagi mempunyai ladang tebu di negara ini.

Beliau berkata, bekalan gula mentah syarikat itu ketika ini diperoleh daripada sumber import.

"Kami akan menumpukan usaha mengembangkan operasi pada peringkat huluhan dengan meninjau peluang membeli tanah di rantau

Asia Tenggara kerana kita tidak mempunyai keluasan tanah mencukupi untuk ditanam tebu bagi menampung permintaan domestik yang tinggi, iaitu sejuta tan setahun," katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan MSM Holdings, di Kuala Lumpur, semalam.

Sabri yang juga Presiden dan Ketua Eksekutif FGVH, berkata MSM Holdings bagaimanapun akan mengambil langkah berhati-hati dalam membeli tanah di luar negara kerana ia membabitkan pelaburan yang besar.

Tanah yang bakal dibeli juga, katanya perlu sesuai dengan penanaman tebu kerana tanaman itu memerlukan cuaca kering selama empat bulan bagi mendapatkan hasil yang baik.

Bagi operasinya dalam negara, Sabri berkata MSM Holdings mem-

peruntukkan RM85 juta tahun ini bagi menaik taraf kemudahan pengeluarannya bagi menampung kapasiti yang semakin meningkat.

Beliau juga berkata, pihaknya yakinkan mencatatkan keputusan kewangan yang baik tahun ini didorong permintaan yang kukuh meskipun berdepan ketidaktentuan pasaran global.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, MSM Holdings meraih keuntungan RM264 juta, naik 13 peratus daripada RM233 juta pada tahun sebelumnya.

Pendapatannya dalam tahun berkenaan meningkat enam peratus kepada RM2.3 bilion daripada RM2.17 bilion sebelumnya.

MSM Holdings mengumumkan dividen 19 sen kepada pemegang sahamnya pada tahun lalu.

Syarikat itu menghasilkan 958,377 tan gula ditapis tahun lalu, menyumbang 57 peratus daripada jumlah pengeluaran gula di Malaysia.

● FARIZUL HAFIZ AWANG | BERITA HARIAN



SABRI (dua dari kiri) bersama Ketua Pegawai Kewangan MSM Holding, Raja Faridah Raja Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif, Chua Say Sin dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Datuk Hajah Rosni Zahari pada sidang media di ibu negara, semalam.